



Sesi gimik pelancaran Datum Galleria.

PKNS tampil dengan pembangunan berorientasikan transit (TOD) menerusi projek pembangunan hartanah bersepadu, Datum Jelatek oleh pemaju hartanah tempatan yang juga anak syarikat milik penuh PKNS, Datumcorp International Sdn Bhd.

Bercakap pada pelancaran galeri jualan Datum Jelatek, Datum Galleria, Pengerusinya Hjh. Noraida Mohd Yusof berkata pembangunan projek dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.2 bilion itu merangkumi komponen pusat beli-belah empat tingkat, pasti menjadi antara tarikan penting kepada mereka yang mahu menghuni atau menjadikan ia sebagai satu pelaburan.

Tertletak hanya kira-kira lima kilometer dari Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC), selain bersambung kepada pengangkutan awam utama iaitu Stesen LRT Jelatek, ia turut menyediakan kemudahan penting kepada penduduk.

"Komponen kediaman di sini menawarkan sebanyak 708 unit yang kita bahagikan kepada empat menara yang dimajukan di atas podium pusat beli-belah menggunakan nama sama iaitu Datum Jelatek.

"Menara A dikenali Ayaana, Datumcorp International menawarkan 167 unit dengan 41 tingkat merangkumi pilihan unit studio (53 unit/ 550 kaki persegi), unit satu bilik tidur (54 unit/ 730 kaki persegi) dan unit dua bilik tidur (60 unit/ 1,300 kaki persegi) dari harga RM782,225," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran galeri berkenaan pada 3 Disember 2016.

Datum Galleria menempatkan rumah contoh unit 2 bilik dan unit 3 bilik Datum Jelatek di samping berperanan sebagai Pejabat Jualan untuk Datum Jelatek. Galeri ini akan bertindak sebagai pusat pemasaran kepada DatumCorp untuk meningkatkan jualan dan menambahkan keyakinan para pembeli sedia ada dan juga menunjukkan kepada bakal pembeli akan komitmen oleh pihak pemaju dalam menghasilkan produk yang terbaik dan berkualiti.